

RAHSIA AL-QURAN - DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

“Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada bahasa, ilmu pengetahuan, masyarakat dan akhlak”

Demikianlah mudhuk yang ditulis oleh Al-Alamah Tantawi tatkala sampai kepada mentafsirkan ayat: “*Laqad anzalna ayatu mubayyinata wallahu yahdi man yasha ila siratul mustaqim*” – ayat yang ke 46 surah An-Nur, yang maksudnya: “Sesungguhnya kami telah menurunkan ayat-ayat (keterangan-keterangan) yang menjadi penjelasan yang terang nyata, Allah menunjuki barang siapa yang dikehendaknya kepada jalan yang lurus.”

Maudhuk ini telah diucapkan oleh wakil kerajaan Mesir di dalam persidangan besar yang diadakan oleh ahli-ahli pengetahuan Barat yang fakir dalam perkara-perkara Timur, yang telah bersidang pada penghujung bulan Ogos 1928 di Bandar “Oxford” – England persidangan itu dihadiri oleh tujuh ratus orang dan dua ratus di antaranya menjadi wakil-wakil rasmi yang mewakili kerajaan-kerajaan dan sekolah-sekolah tinggi dari serata-rata dunia.

(oleh Abdullah Basmeh)

Pada menjelaskan bagaimana ucapan tersebut telah mendapat sambutan besar dari para hadirin maka Al-Alamah Tantawi berkata: “Biasanya tiap-tiap ucapan pada hati itu diiringi oleh perbahasan dalam mudhuk itu juga. Dan sebagai suatu mukjizat maka ucapan ini telah mendapat sambutan besar dari para hadirin dan sekalian telah sekata mengaku akan kebenarannya. Inilah saya turunkan dia di sini supaya diketahui bagaimana iktiraf ahli-ahli pengetahuan Barat akan kelebihan Islam dan kebesaran junjungan kita Muhammad Sallallahu Alahi Wasalam”

Ucapan itu diturunkan dengan sepenuhnya:

Bismillahirrahmannirahim

Alhamdulillah rab al-amin, wassalati wasalam ala Sayidina Muhammad Khatama An-nabiyin.

Al-Quran Al-Karim

(1) Sifatnya (2) Kandungannya (3) Kesannya kepada Arab (4) Kesannya kepada masyarakat, akhlak dan ilmu pengetahuan.

Sifatnya

Al-Quran Al-Karim ialah sebuah kitab suci yang tepat segala keterangan-keterangannya yang diturunkan dari Allah, ia juga mukjizat dan hujahnya yang berkekalan, yang tidak akan didatangi

kesalahan-kesalahan pada bila-bila masa jua pun dan yang tidak ada syak padanya menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang takwa iaitu orang-orang yang sentiasa tunduk menjunjung perintah dan berbakti kepada Allah dengan tulus ikhlas semata-mata. (Ayat-ayat yang menegaskan hal ini terlalulah banyaknya – P)

Kandungannya

Al-Quran mengandungi segala apa yang dihajati oleh manusia bagi dunia dan akhirat dengan dalil firman-Nya: “Mafartana fi al-kitabi min syai”. Yang maksudnya: “Tidaklah kami tinggalkan sesuatu pun yang tidak tersebut di dalam Al-Quran.” (Tidak pula ertinya bahawa segala-galanya tersaji di dalam Quran ibarat pisang terkopek kulitnya yang hanya menantikan orang-orang Islam datang memakannya. Tetapi yang sebenarnya apa yang tersaji di sana ialah segala garis-garis besarnya sahaja, hanyasanya dikehendaki umat Islam berusaha menyiasat, membongkar dan mencari rahsia-rahsiannya sebagaimana usaha datuk nenek kita dahulu yang telah membina tamadun dunia yang gilang gemilang dan yang telah dibaiki dan diperpanjangkan usaha mereka itu oleh orang-orang Barat pada hari ini. Tidak ada hasilnya jika hanya berpada dengan mengetahui makna kandungan Al-Quran yang secara zahir atau dangkal sahaja, dengan tidak tergerak di hati hendak memeras otak dan menyelam mutiara-mutiarnya “Yang menjadi umbi kemajuan dan kebahagiaan” di perut

lautannya amat dalam itu – P)

Kandungan Al-Quran bolehlah dibahagikan kepada dua belas bahagian seperti yang tertera di bawah ini:

(1) Perihal iktikad:

Terkandung di dalam ayat-ayat yang mewajibkan beriman dengan Allah Tuhan yang Maha Esa, dan dengan malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, pesuruh-pesuruh-Nya dan hari akhirat (serta segala untuk baik dan buruk itu datangnya daripada Allah) sebagaimana firman-Nya: “Qul hu wallahu ahad...” dan di dalam ayat yang ke 285 – Al-Baqarah dan lain-lain lagi.

(2) Perihal segala yang difardhukan:

Terbentang dengan jelasnya di dalam ayat-ayat yang mewajibkan sembahyang, puasa, haji, dan sebagainya. (Lihat ayat-ayat 110 dan 183 – Al-Baqarah, dan 97 – Al-Imran – P)

(3) Perihal surah dan tegah:

Sedia terhurai di dalam ayat-ayat yang menyuruh berbuat baik dan menegah berbuat jahat. (Lihat ayat-ayat 104 Al-Imran dan 89 Al-Nahl – F)

(4) Perihal perkhabaran yang menggembirakan dan yang menakutkan:

Terbentang dengan jelasnya di dalam ayat-ayat yang memperikan segala apa yang disediakan bagi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang kafir. (Lihat ayat-ayat 14 An-Nisa dan 97 An-Nahl – P)

(5) Perihal membahas dan mencabar:

Terkandung di dalam ayat-ayat menyeru orang-orang yang menyalahi Al-Quran supaya mereka mendatangkan beberapa ayat seumpamanya walau dengan jalan dusta sekalipun, tetapi mereka telah tidak sanggup dan tak akan sanggup berbuat demikian. (Lihat ayat-ayat 23, 24 – Al-Baqarah, 13 Hud, dan 88 – Al-Israk – P)

(6) Perihal citra-citra orang-orang yang terdahulu:

Terkandung di dalam ayat-ayat yang memperikan sejarah Nabi-nabi, Rasul-rasul, Zulkarnain, Ashab al-kahfi dan seterusnya. (Ayat-ayat yang memperikan hal ini terlalu banyak – P)

(7) Perihal undang-undang masyarakat:

Terkandung di dalam ayat-ayat yang mewajibkan zakat dan cara mengeluarkannya kepada orang-orang yang berhak menerimanya.

(Lihat ayat-ayat 60 At-Taubah dan 215 Al-Baqarah – P)

(8) Undang-undang siasah:

Terkandung di dalam ayat-ayat yang mewajibkan taat kepada pemerintah dan bagaimana cara menyempurnakan perjanjian dan waad-waad yang dimerteraikan. (Lihat ayat 59 An-Nisa. dan 91 An-Nahl – P)

(9) Undang-undang jenayah:

Terkandung di dalam ayat-ayat yang menerangkan hukum-hukum kisas iaitu cara menjatuhkan hukum setimbang dengan kesalahan-kesalahan yang berlaku (Lihat ayat 45 Al-Maidah – P)

(10) Undang-undang awam (sivil):

Terkandung di dalam ayat-ayat yang meliputi hukum-hukum riba, membahagi pusaka dan sebagainya. (Lihat ayat-ayat 39 Ar-Rum, 276 Al-Baqarah, dan 11, 12 – An-Nisa – P)

(11) Undang-undang peperangan:

Terkandung di dalam ayat-ayat yang mengizinkan berperang, dan menunjuk kepada cara berdamai, serta menerangkan bagaimana cara melayan orang-orang tawanan dan membahagi harta-harta rampasan perang. (Lihat ayat-ayat 58, 59, 60 dan 61 – Al-Anfal – P)

(12) Perihal nasihat-nasihat dan panduan:

Terkandung di dalam ayat-ayat yang meliputi segala nasihat-nasihat yang menjadi contoh tauladan dan ajaran-ajaran yang berhikmah (Lihat ayat-ayat 24, 25, 26 Ibrahim 84 Al-Israk, 38 Al-Mudatssir. 11 Ar-Ra'd dan 92 Al-Imran – P)

Kesannya kepada Bahasa Arab

Kaum Quraisy adalah dipandang berjasa besar di dalam mempersatukan gaya pertuturan bangsa Arab yang banyak suku-suku dan puaknya itu, kerana dengan kedudukan kaum Quraisy di Hijaz yang menjadi negeri tumpuan orang-orang Haji dan ahli-ahli perniagaan dari seluruh Semenanjung Arab, dan di sana biasanya menjadi tempat perhimpunan segala pujangga-pujangga dan pensyarah-pensyarah yang terbilang daripada kaum lelaki dan perempuan yang tidak putus-putusnya di sana mereka itu mengadakan peraduan-peraduan mengarang syair dan memberi syarahan-syarahan. Dengan pergaulan tersebut maka kaum Quraisy telah berpeluang memilih kata-kata dan gaya pertuturan yang terbaik sekali sehingga gaya pertuturan mereka telah bertambah-tambah.